



KENYATAAN MEDIA

MENTERI PERPADUAN NEGARA

MASYARAKAT DIINGATKAN SUPAYA SENTIASA MEMELIHARA KEHARMONIAN ANTARA KAUM DAN AGAMA

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mengambil maklum dan bersimpati atas kejadian kebakaran yang berlaku di kediaman dan kenderaan YB Datuk Ngeh Koo Ham, Ahli Parlimen Beruas pada awal pagi tadi.

Saya dengan tegas mengutuk perbuatan dan tindakan ini. Perbuatan ini bukan sahaja melanggar undang-undang negara, tetapi juga mengancam ketenteraman dan keamanan dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa.

Kejadian ini adalah satu penghinaan terhadap semangat perpaduan dan keharmonian yang telah kita bina bersama sejak kemerdekaan. Masyarakat diminta untuk tidak terpengaruh dengan peristiwa ini dan dimohon untuk terus mengukuhkan keamanan, ketahanan komuniti serta keselamatan secara bersama.

Sementara menunggu siasatan lanjut dan tindakan undang-undang yang sewajarnya diambil, saya menyeru semua pihak untuk tidak menyebarkan maklumat palsu yang boleh menggugat sensitiviti masyarakat berbilang bangsa, terutama yang berkaitan dengan aspek kaum, agama serta budaya.

Usaha mengukuhkan dan menyatupadukan rakyat Malaysia sentiasa menjadi agenda utama Kerajaan Perpaduan. Saya percaya bahawa solidariti dan semangat kebersamaan rakyat Malaysia akan menjadi benteng utama menangani ancaman terhadap perpaduan dan keharmonian negara. Keamanan negara dan perpaduan rakyat adalah tanggungjawab bersama yang wajib dipikul oleh kita semua.

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA
10 JANUARI 2024**